

PERUTUSAN PENGERUSI EAIC SEMPENA TAHUN 2017

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi yang telah memberi kesempatan kepada saya bagi menyampaikan sepathah dua kata khusus ditujukan kepada semua warga kerja EAIC yang dikasihi.

Tahun 2016 dengan pantas berlalu pergi. Sepanjang tempoh tahun 2016, banyak peristiwa dan perkara-perkara penting sama ada dalam atau luar negara telah berlaku dan sebahagiannya layak menjadi lakaran sejarah.

Secara keseluruhanaya saya dan setiap warga kerja EAIC wajar untuk memiliki rasa bangga dan kesyukuran di atas prestasi memberangsangkan yang telah dicapai bagi tahun 2016.

Bermula dengan penganjuran dialog EAIC bersama agensi-agensi penguatkuasaan bagi Zon Utara yang diadakan pada Januari 2016, dalam mana ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC juga berkesempatan membuat lawatan kerja ke kawasan pintu masuk sempadan negara di Wang Klian, Perlis, Malaysia/Thailand, dialog EAIC bersama agensi-agensi penguatkuasaan Zon Tengah pada Julai 2016 dan dialog EAIC bersama agensi-agensi penguatkuasan negeri Sabah dan Sarawak pada Oktober

2016, banyak perkara dan isu berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang dan integriti telah dibincangkan berserta kaedah-kaedah penambahbaikan yang perlu.

Di dalam memahami secara lebih dekat isi hati dan permasalahan pegawai penguat kuasa di lapangan, EAIC juga telah julung kalinya mengadakan dialog secara berasingan dengan wakil-wakil daripada Kesatuan Pegawai Imigresen Semenanjung Malaysia, Kesatuan Pegawai Kastam Semenanjung Malaysia dan Kesatuan Pegawai Pengangkutan Jalan Semenanjung Malaysia. Pegawai-pegawai kanan EAIC termasuk saya sendiri juga turun ke padang dengan membuat lawatan kerja dan bertemu dengan pegawai-pegawai penguat kuasa agensi-agensi penguatkuasaan di kompleks pintu masuk sempadan negara di ICQS Padang Besar, Perlis; ICQS Bukit Kayu Itam, Kedah; ICQ Bukit Berapit, Pengkalan Hulu, Perak; Kompleks ICQS di Johor Bahru, Johor; Kompleks ICQS di Rantau Panjang dan ICQS Pengkalan Kubor, Kelantan. Lawatan kerja juga turut dibuat ke atas pelabuhan “*barter trade*” yang melibatkan jeti persendirian di Pelabuhan Klang Selatan dalam memahami dengan lebih dekat operasi dan tatacara perkhidmatan kastam dan imigresen di situ. Lawatan kerja tersebut telah memberi pengalaman berguna secara langsung kepada pegawai-pegawai EAIC berkaitan operasi kawalan di pintu masuk sempadan negara dan permasalahan yang dihadapi oleh pegawai penguat kuasa di lapangan. Lanjutan daripada lawatan kerja tersebut, EAIC telah menghantar syor bagi penambahbaikan yang perlu kepada pihak berkuasa terlibat dalam usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti.

EAIC juga telah menyelesaikan semua program Dialog EAIC Bersama Ketua-ketua Agensi Penguatkuasaan seliaan EAIC, kecuali dialog bersama Unit Penguatkuasaan, Bahagian Pelesenan Kementerian Pelancongan Malaysia yang dijangka akan diadakan pada Februari 2017 akan datang. Melalui dialog sedemikian, pelbagai isu semasa dan perkara berkaitan polisi penguatkuasaan undang-undang dan tatacara operasi telah dapat dibincangkan secara bersemuka dan dibuat penambahbaikan yang perlu termasuk SOP berkaitan dengannya.

Di dalam pada itu, EAIC berterusan memupuk kerjasama strategi dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI/IIM) dalam menjayakan pelbagai program dan aktiviti secara bersama. Terdapat beberapa kes aduan yang berkaitan dengan salah laku dan rasuah yang disiasat secara bersama (joint investigation) oleh EAIC dan SPM melalui penubuhan jawatankuasa khas. Siasatan secara bersama juga dilakukan dengan SUHAKAM ke atas beberapa aduan yang berkaitan dengan tatacara dan layanan ke atas orang tahanan di bawah Akta pencegahan. Di atas kerjasama EAIC dan INTEGRITI/IIM, satu buku bertajuk "*Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan*" telah dihasilkan baru-baru ini oleh INTEGRITI/IIM bagi menjadi modul latihan asas pegawai penguat kuasa di agensi-agensi penguatkuasaan. Pengurus dan pegawai-pegawai kanan EAIC juga terlibat dalam pelbagai program forum awam atau

perbincangan meja bulat anjuran badan kerajaan dan bukan kerajaan melibatkan isu-isu integriti dan hak asasi manusia.

Sambutan ke atas laman sesawang dan portal sosial *facebook* EAIC juga melihatkan perkembangan yang sangat memberansangkan. Pada awal Januari 2016, laman sesawang EAIC di www.eaic.gov.my dilawati oleh seramai 120,956 pelawat (*visitors*) dan *facebook* mempunyai 4,074 sukaan (*likes*). Pada hujung Disember 2016, rekod melihatkan laman sesawang EAIC menerima lebih daripada 240,000 pelawat (*visitors*) dan *facebook* pula mempunyai lebih daripada 7,000 sukaan (*likes*). Indikasi jumlah pengunjung laman web dan *facebook* EAIC yang meningkat dengan jumlah hampir sekali ganda berbanding dengan jumlah pada awal tahun, adalah petunjuk fakta yang jelas bahawa semakin ramai orang awam mengetahui atau ingin mengetahui tentang EAIC.

EAIC perlu berterusan membina keyakinan orang ramai terhadap keberkesanan peranan dan tanggungjawabnya sebagai sebuah badan bebas seperti yang diperuntukkan oleh Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700), yang memperuntukkan lapan fungsi utama EAIC.

Terdapat dua penyiasatan kes berkepentingan awam yang disiasat menurut seksyen 28 Akta 700 telah selesai dilaksanakan dan laporan penuh siasatan telah dibuat dedahan awam (*public disclosure*) serta dimuat naik ke laman sesawang EAIC yang boleh diakses oleh orang ramai. Laporan tersebut ialah Siasatan Aduan Pencerobohan Bot Kenka

di Tanjung Piandang, Perak dan Siasatan Kes Kematian N. Dharmendran Semasa Ditahan Dilokap D9, IPK Kuala Lumpur. Hasil kerja EAIC dalam siasatan awam kes kematian N. Dharmendran telah mendapat pengiktirafan oleh badan bukan kerajaan (NGOs) sebagai suatu siasatan yang terperinci dan telus. Hasil siasatan EAIC tersebut juga dipetik dan menjadi rujukan oleh beberapa orang ahli Parlimen semasa perbahasan mereka dalam Persidangan Parlimen pada sesi Mei 2016 yang lalu. Malahan terdapat nyataan oleh badan bukan kerajaan (NGO) bahawa peranan yang telah dilaksanakan oleh EAIC telah membawa kepada usaha pihak PDRM meningkatkan mendisiplinkan pegawai dan anggota daripada melakukan salah laku kekerasan fizikal ke atas orang tahanan. Laporan siasatan EAIC juga telah mendapat liputan meluas oleh media perdana dan laman portal. Saya percaya pegawai-pegawai EAIC juga telah menimba pengalaman dan pengetahuan yang berguna hasil daripada siasatan kes-kes berprofil tinggi tersebut yang akan mengupayakan lagi daya tahan, ketajaman fikiran dan kreativiti pegawai dalam melakukan sesuatu siasatan.

Tidak ketinggalan, secara khusus wajar saya menyebutkan pengiktirafan oleh Kerajaan ke atas peranan yang dimainkan oleh EAIC. Pada 1 Julai 2015, YAB Perdana Menteri di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri telah memberi perhatian ke atas keperluan agensi-agensi penguatkuasaan melaporkan kepada EAIC ke atas tindakan tatatertib yang telah dijalankan oleh agensi terlibat berikutnya syor-syor EAIC dan berikutnya dengan itu Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah mengeluarkan satu pekeliling bagi memberi kesan ke atas arahan tersebut kepada Pihak Berkuasa Tatatertib agensi-agensi penguatkuasaan. Pada Mac 2016,

YAB Perdana Menteri semasa Mesyuarat Jemaah Menteri telah membuat saranan kepada semua Ahli Jemaah Menteri supaya membaca Buku Laporan Tahunan 2015 EAIC yang memberikan butiran maklumat aktiviti EAIC yang sangat komprehensif, yang kemudiannya di bentangkan dalam persidangan Parlimen pada April 2016. Selanjutnya dalam Mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan 21 September 2016, YAB Perdana Menteri telah menzahirkan keyakinan beliau ke atas EAIC sebagai sebuah badan bebas bagi melakukan lawatan-lawatan kerja ke depot-depot tahanan imigresen dan membuat syor-syor penambahbaikan ke atasnya. Pengiktirafan yang diberikan itu wajar diambil sebagai pemangkin dan pembakar semangat bagi semua warga kerja EAIC untuk terus bekerja dengan penuh gigih dan tekun dalam mencapai matlamat bersama.

Pengiktirafan terhadap kepentingan peranan yang dimainkan oleh EAIC dan hasil kerja positif yang telah perlihatkan oleh EAIC juga telah menjadi faktor kepada kajian semula ke atas bajet tahunan EAIC bagi tahun 2016 yang pada awalnya berlaku potongan sekitar 40% yang telah dipulihkan semula melalui tambahan peruntukan sekitar 19% pada awal bulan Disember 2016 yang telah membawa kepada pemulihan kedudukan kewangan EAIC, yang tentunya akan membolehkan EAIC merancang dengan lebih tersusun lagi aktiviti dan program pengukuhan integriti di kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan seliaan EAIC selari dengan hasrat Kerajaan semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas yang meletakkan tanggungjawab bagi pengukuhan integriti di kalangan pegawai penguat kuasa ke atas dua badan, iaitu EAIC dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). EAIC menghargai kerjasama yang telah

diberikan oleh pihak Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri dalam perkara ini.

Saya juga ingin merakamkan berbanyak terima kasih kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telah memberikan persetujuan bagi pertukaran taraf enam jawatan pegawai gred L41/L44 daripada tertutup kepada terbuka yang membolehkan EAIC membuat pengisian enam jawatan tersebut melalui lantikan EAIC sendiri yang telah membolehkan EAIC mengambil tambahan bilangan peguamcara dan peguambela yang sedang beramal sebagai pegawai EAIC sepenuh masa. Keadaan ini sudah tentu akan mengukuhkan lagi keupayaan EAIC dalam menjalankan tugas-tugasnya. Kini kesemua perjawatan dalam EAIC berjumlah 78 perjawatan telah diisikan sepenuhnya.

Tidak ketinggalan saya ingin merakamkan ucapan terima kasih EAIC kepada Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) di atas kelulusan yang diberikan kepada EAIC bagi pertambahan ruang pejabat baru EAIC di Aras Bawah dan Aras 6, Menara Usahawan, Presint 2, Putrajaya. Pertambahan ruang pejabat baharu tersebut telah membolehkan EAIC menyusun semula penempatan Bahagian-Bahagian EAIC untuk menjadi lebih tersusun dalam menwujudkan keadaan persekitaran kerja yang lebih kondusif. Pertambahan ruang pejabat yang baharu itu juga telah membolehkan EAIC membuka Kaunter Aduan dan Pusat Khidmat Pelanggan di Aras Bawah Menara Usahawan mulai 21 Julai 2016 bagi membolehkan orang ramai untuk lebih mudah mendapat akses kepada perkhidmatan EAIC.

Adalah juga tidak lengkap Perutusan saya ini jika saya tidak menyentuh ke atas prestasi siasatan EAIC ke atas aduan salah laku yang telah diterima daripada orang ramai yang menjadi fungsi utama EAIC. Saya berterima kasih kepada pegawai-pegawai Bahagian Operasi EAIC yang terdapat Seksyen Siasatan dan Seksyen Aduan di bawahnya dan ahli-ahli Jawatankuasa Aduan EAIC yang telah melihatkan tahap komitmen dan dedikasi yang tinggi. Setakat Oktober 2016, kesemua aduan yang diterima telah selesai dibuat siasatan awal oleh Seksyen Aduan dan diputuskan oleh Jawatankuasa Aduan yang dibentuk di bawah seksyen 16 Akta 700. Dengan kata lain kadar penyelesaian aduan bagi aduan-aduan yang dibuat sehingga Oktober 2016 telah selesai dibuat penyiasatan awal dan berjaya diselesaikan 100% oleh Jawatankuasa Aduan. Kelincinan dan kesempurnaan kerja-kerja siasatan juga didokong kuat melalui sumbangan oleh ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC yang bermesyuarat dua kali sebulan dalam menimbangkan kertas-kertas siasatan dan membuat keputusan ke atasnya. Saya berterima kasih dan menghargai sumbangan dan komitmen oleh barisan ahli Pesuruhjaya EAIC yang terdiri daripada individu terkemuka yang berpengalaman luas dalam bidang masing-masing. Siasatan dan kerja-kerja yang berkualiti dan kredible serta telus dan tanpa memihak wajar menjadi tunjang kekuatan EAIC dalam melaksanakan tanggungjawabnya dalam membina dan memenangi keyakinan orang ramai terhadap keberkesanan peranan EAIC.

EAIC juga menyedari bahawa tahap pengukuran ke atas keberkesanan dan kejayaan EAIC tidak harus diukur atau dinilai dari kacamata EAIC sendiri. Maka itu, satu Kajian Ke atas Impak dan Keberkesanan EAIC

telah dilaksanakan oleh pakar perunding bebas daripada UTHM dan laporan kajian telah dibuat serahan oleh perunding tersebut kepada EAIC pada 15 Disember 2016 yang lalu. Melalui hasil kajian tersebut, EAIC berharap akan dapat merancang hala tuju EAIC ke arah yang lebih mantap dan lestari dalam menghadapi cabaran semasa dan akan datang. Laporan kajian itu juga akan menjadi asas kepada EAIC dalam menyediakan Pelan Perancangan Strategik EAIC yang akan dimulakan usahanya pada Februari 2017 di bawah bimbingan MAMPU.

Adalah juga menjadi harapan saya untuk melihat Akta 700 dibuat pindaan bagi memantapkan lagi peruntukan di bawahnya dalam menjayakan peranan EAIC untuk lebih memberi kesan khususnya dalam perkara yang berkaitan dengan pelaporan dan pelaksanaan tindakan tatatertib oleh Pihak Berkuasa Tatatertib. Untuk tujuan ini deraf penggubalan pindaan Akta 700, yang telah menjalani proses penggubalan yang panjang, telah pun dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) dan telah berada di peringkat akhir semakan bagi kelulusan. Saya mengharapkan pindaan tersebut dapat di bawa ke persidangan Parlimen pada sesi pertama tahun 2017 nanti. Melalui pindaan yang dicadangkan itu Pihak Berkuasa Tatatertib akan dapat menggunakan laporan dan dapatan siasatan serta syor-syor EAIC sebagai asas pertuduhan dan prosiding tatatertib yang perlu diselesaikan dalam tempoh masa tertentu dan kewajipan untuk keputusan tatatertib dimaklumkan kepada EAIC.

Sebelum saya mengakhiri Perutusan ini, wajar serba sedikit saya memberikan maklumat tentang gerak kerja EAIC yang telah direncanakan bagi tahun 2017. Penggubalan Pelan Strategik EAIC

adalah di antara perkara utama yang akan mengambil tempat di samping pelaksanaan kewajipan “*core business*” EAIC yang telah termaktub di bawah Akta 700.

Bahagian Komunikasi Korporat EAIC (BKK) telah ditugaskan untuk membuat promosi-promosi dengan lebih giat dan meluas tentang EAIC bukan sehaja kepada orang ramai, tetapi juga mengadakan program-program khusus bagi mendekati golongan muda khususnya di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

EAIC juga telah memberikan respon positif kepada pihak Kerajaan yang mencadangkan supaya EAIC menjadi penyelaras atau “*lead agency*” dalam pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711). Tugasan baharu tersebut adalah satu cabaran kepada keupayaan EAIC dalam menjayakan hasrat untuk melihat lebih ramai pemberi maklumat (*whistleblower*) muncul untuk memberi maklumat atau mendedahkan perlakuan tidak wajar dan bersifat jenayah serta salah laku di kalangan pegawai awam (public officer) mahu pun swasta. Tunjang kekuatan Akta 711 tersebut yang bertujuan melindungi identiti pemberi maklumat dan imuniti dari pendakwaan jenayah atau sivil ke atas pemberi maklumat pastinya memerlukan satu sistem kerja dan penyimpanan maklumat identiti pemberi maklumat yang kredible dan berintegriti dalam mendapatkan keyakinan dan kebolehpercayaan orang ramai bagi menyalurkan maklumat perlakuan tidak wajar atau salah laku mahupun perbuatan jenayah tanpa rasa bimbang ke atas keselamatan diri dan keluarga. Saya mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa EAIC boleh melaksanakan tugas tambahan tersebut dengan penuh komitmen dan efisien selari dengan mandat dan amanah yang diberikan.

Akhirnya, saya berharap dan berdoa ke hadrat Ilahi, berkat kegigihan dan komitmen yang diberikan oleh semua warga kerja EAIC, barisan ahli Pesuruhjaya EAIC dan sokongan padu oleh semua pihak, peranan dan prestasi EAIC akan lebih berkesan dalam mencapai visi dan misi yang dihasratkan dalam mendukung aspirasi untuk menjulang integriti sebagai tuggak perkhidmatan dan membawa kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negara amnya. Selamat Tahun Baru 2017.

DATUK YAACOB BIN HAJI MD. SAM
Pengerusi
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

Bertarikh 1 Januari 2017



